

UCAP BALAS YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI/  
MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI TERHADAP  
TEGURAN-TEGURAN OLEH BEBERAPA AHLI DEWAN  
NEGARA DALAM PERBAHASAN BERKENAAN DENGAN  
TITAH UCAPAN YANG DI PERTUAN AGUNG KETIKA  
MEMBUKA PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KETIGA

1973

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam Perbahasan mengenai Titah Ucapan Di Raja yang telah berlangsung beberapa hari, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telahpun membuat beberapa teguran dan syor mengenai kegiatan Kementerian saya.

Saya berterimakasih atas teguran ini dan sukacita membuat beberapa penjelasan mengenai teguran-teguran yang telah dibuat itu yang saya yakin disuarakan dengan semangat membena dan penuh harapan.

Ahli Yang Berhormat Datuk Nik Hassan telah menyentuh berkenaan masalah perumahan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Kuala Lumpur dan meminta Kerajaan mengambil berat atas masalah itu. Kerajaan memang sedar tentang masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, dan telah memperuntukkan wang sebanyak \$47,687 juta di dalam Rancangan Malaysia Keduanya bagi membina sebanyak 7,943 unit rumah awam yang akan didirikan oleh Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua ini juga selain daripada yang saya sebutkan tadi, Kerajaan melalui Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sendirian Berhad akan membina sebanyak 5,104 yunit rumah lagi bagi kakitangan-kakitangan yang tinggal di sekitar bandar Kuala Lumpur.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengesyorkan supaya Kerajaan mengkaji semula peranan yang dimainkan oleh Lembaga Perumahan dan Malaysia Building Society. Sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan sudahpun mengkaji peranan yang dimainkan oleh Lembaga Perumahan dan saya mendapati

bahawa beberapa badan lain seperti Perbadanan Kemajuan Negeri, U.D.A., Malaysia Building Society Berhad, Dewan Bandaraya dan lain-lainnya telah juga menjalankan tugas-tugas membena perumahan; dan Kerajaan telah membuat keputusan membubarkan Lembaga itu dan menyatukan kepada bahagian Perumahan dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kerajaan sudah juga mengkaji berkenaan dengan Malaysia Borneo Building Society mengenai peranan yang dimainkan oleh pertubuhan tersebut dan untuk memberi kesan yang lebih baik lagi badan tersebut telah disusun semula dan sekarang ditukarkan namanya kepada Malaysia Building Society Berhad dan tugas-tugasnya ditumpukan semata-mata untuk pembenaan perumahan di Malaysia sahaja.

Kedua-dua tindakan ini di ambil supaya memberi kesan yang lebih efektif bagi menjalankan pembinaan rumah-rumah awam daripada wang pinjaman dari Kerajaan Pusat.

Y.B. SENATOR AMALUDDIN BIN DARUS - telah membuat tuduhan yang menyatakan bahawa korupsi masih bermaharajalela di dalam negeri ini dan saya sifatkan <sup>tuduhan itu</sup> adalah sangat keterlaluan. Sekiranya Y.B. itu ada apa-apa tuduhan-tuduhan korupsi yang specific bolehlah beliau melapurkannya kepada Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah untuk tindakannya.

Undang-undang yang ada sekarang berkenaan dengan korupsi difikirkan mencukupi dan pelaksanaannya adalah memuaskan.

Ahli Yang Berhormat Encik Ibrahim bin Hj. Yaacob mengeshorkan bahawa Hal Ehwal Bekas-bekas Polis hendaklah diawasi oleh Kerajaan di dalam menghadapi masalah-masalah hidup seperti masalah perumahan, pekerjaan, pencen dan sebagainya.

Saya suka menyatakan bahawa sebagai penghormatan kerajaan terhadap bekas-bekas anggota Polis, adalah menjadi dasar Kerajaan bagi menitikberatkan hal ehwal bekas-bekas Pegawai-pegawainya untuk mencapai matlamat penghidupan baru selepas tamat perkhidmatan mereka dengan Kerajaan.

Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah cawangan diberi nama Hal Ehwal Bekas-bekas Polis di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri baru-baru ini khas untuk mengawasi masalah perumahan dan sebagainya.

Menyentuh soal yang dibangkitkan oleh Y.B. Tuan Haji Osman bin Abdullah berkenaan dengan penerbitan buku-buku sex dan lain-lain penerbitan lucah, saya sukacita ~~telah~~ menyatakan bahawa Kementerian ini sentiasa menjalankan usaha-usaha bagi mengawal penerbitan-penerbitan yang dianggap lucah itu.

Ada beberapa undang-undang yang mengawal Penerbitan-penerbitan seperti ini dan satu daripadanya, Undang-undang Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimpot Tahun 1958. Undang-undang ini mengawal penerbitan dari luar negeri, dan bagi terbitan-terbitan tempatan pula kawalan adalah dibuat di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan Jenayah dan juga di bawah Akta Mesen Cetak Tahun 1948.

Bagi maklumat Dewan ini, di bawah Akta Mesen Cetak, tuanpunya cetak adalah bertanggungjawab supaya perkara-perkara yang dianggap lucu tidak dicap. Begitu juga di bawah undang-undang yang sama, pehak penerbit dikenakan tanggungjawab yang serupa.

Akta ini hanya melibatkan surat-surat khabar dan majallah sahaja. Tindakan di bawah Akta Mesen Cetak akan di ambil sekiranya mereka itu melanggar syarat-syarat lesen permit yang dikeluarkan kepada mereka dengan cara membatalkan permit-permit itu. Berkenaan dengan penerbitan-penerbitan yang lain tindakan di bawah Kanun Keseksaan Jenayah akan di ambil oleh pihak Polis dan hukuman hanya boleh diberi oleh Mahkamah sahaja.

Berhubung dengan buku-buku yang diterbitkan dalam negeri ini, Kementerian ini dukacita tidak dapat mengawasi dengan sepenuhnya kecuali dengan kerjasama orang ramai yang sedia memberikan <sup>maklumat</sup> tentang terbitan-terbitan lucah yang

diketahui oleh mereka dan diedarkan dalam negeri ini.

Berkenaan dengan perkara kawalan buku-buku yang diterbitkan di luar negeri, buku-buku tersebut adalah dipereksa di tempat-tempat masuk yang diisytiharkan dan mana yang dianggap lucuh, buku-buku itu akan dihantar balik ataupun dimusnahkan. Walaupun begitu mungkin ada buku-buku yang diseludupkan dan tindakan akan diambil kalau buku-buku itu didapati dijual di kedai-kedai buku.

Dalam perkara ini saya mintalah Ahli Yang Berhormat ataupun rakyat kita yang 'civic conscious' supaya membawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan

iaitu Kementerian saya atau pihak Polis supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Sayugia dimaklumkan bahawa dalam tahun 1972 sahaja bilangan naskah terbitan yang masuk ke dalam negeri ini, selain daripada terbitan China, ialah 35,000,000 naskah adalah dianggap lucah dan telah dirampas dan dimusnahkan. Begitu juga sebanyak 16,026,780 penerbitan China telah dibawa masuk ke Malaysia Barat yang mengandungi 31,565 tajuk. Daripada bilangan ini 14,888 naskah daripada 98 tajuk yang dianggap lucah telah dirampas dan dimusnahkan.

Memandang kepada banyaknya jumlah penerbitan serta jenisnya, kawalan berkesan 100% adalah sukar hendak dilaksanakan dan saya harap orang ramai dapat memberi kerjasama dengan cara membena iaitu dengan memberitahu Kementerian saya ataupun pihak Polis akan sebarang maklumat dimana buku-buku yang dianggap lucah itu didapati dijual ataupun menyatakan nama-nama terbitan yang dianggap lucah itu dan menandakan bahagian-bahagian yang mengandungi perkara lucah itu.

Selain dari itu, saya berasa sukar untuk memberi ta'rif lucah yang diterima oleh semua khalayak ramai oleh

kerana perkataan lucu itu ialah 'relative' yakni apa yang boleh diterima oleh satu pihak mungkin tidak diterima oleh pihak yang lain. Walau bagaimanapun Kementerian saya sedia mengambil tindakan daripada apa yang disuarakan oleh umum atau 'public opinion'.

Dalam perkara ini juga saya rasa penulis-penulis kita lebih bertanggungjawab bagi menentukan garisan-garisan kasar berkenaan dengan tafsiran lucu ini dan terpulanglah kepada badan-badan penulis yang bertanggungjawab untuk mematuhi 'standard' kebersihan akhlak dalam terbitan-terbitan yang dikeluarkan oleh mereka dari masa ke semasa.

Stamp: KEMENTERIAN KEMAJLISAN SAINS DAN TEKNOLOGI  
KUALA LUMPUR  
13/11/2011



No Siri ..... 627  
No. Penerimaan ..... 20/84